



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : SFS/00031/3SFS-CIRCULARS (P)(3)  
Tarikh : 21 Mac 2024

## SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL. 7 / 2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri  
Semua Residen Bahagian  
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

### **PENAMBAHBAIKAN KEPADA TATACARA PELAKSANAAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)**

Dengan hormatnya Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.15/2023 bertariikh 1 November 2023 berkenaan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Susulan dari Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri Bil. 01/2024 yang telah diadakan pada 5 Mac 2024, terdapat beberapa pindaan dan penambahan di dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 15/2023.

3. Bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan kontraktor Bumiputera dan pelaksanaan program yang lebih efektif, **pindaan dan tambahan** yang dilakukan adalah seperti berikut:

3.1 Merujuk **perenggan 12.2 Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK)**, penambahan Ahli Jawatankuasa yang baru adalah Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran (DID) atau wakil.

3.2 Merujuk **Lampiran A1, Bahagian I (A) : Tatacara Pemilihan dan Senarai Pendek Kontraktor, perenggan 3.4** adalah dipinda seperti berikut:

"3.4 *Syarat Kelayakan Modal Minimum*

*Mempunyai modal minimum sekurang-kurangnya 1.5% daripada nilai Had Kewangan Pendaftaran UPKJ dalam Kelas masing-masing."*

<i>Had Kewangan (RM)</i>	<i>Kelas</i>	<i>Had Minimum Modal Yang Diperlukan</i>
<i>Melebihi RM200,000 sehingga RM1 juta</i>	<i>E</i>	<i>RM15,000.00</i>
<i>Melebihi RM1 juta sehingga RM3 juta</i>	<i>D</i>	<i>RM45,000.00</i>

3.3 Merujuk **Lampiran A1, Bahagian 1 (B) : Tatacara Pemilihan dan Senarai Pendek Projek, perenggan 2** bagi penetapan KPI untuk Agensi Pelaksana adalah seperti berikut:

"2. Agensi pelaksana dikehendaki mengemukakan cadangan senarai projek beserta sumber peruntukan / jumlah peruntukan ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dengan menggunakan contoh format seperti di Lampiran B5.

Agensi pelaksana juga dikehendaki menyenaraikan sekurang-kurangnya **dua puluh peratus (20%)** daripada senarai projek tahunan untuk dilaksanakan di bawah PKBS."

3.4 Merujuk **Lampiran A1, Bahagian II : Tatacara Perolehan, perenggan 3.2 (c)** adalah dipinda seperti berikut:

"3.2 Syarat-syarat perolehan adalah seperti berikut:

c) Had kewangan, Kelas dan Kepala yang dibenarkan adalah seperti berikut:"


Had Kewangan (RM)	Kelas	Penyertaan Mengikut Kepala (Head) Pendaftaran	Had Minimum Modal Yang Diperlukan
Melebihi RM200,000 sehingga RM1 juta	E	Dihadkan kepada Kepala (Head) yang berkaitan mengikut Skop Projek	Sekurang-kurangnya 5% daripada Anggaran Kos Agensi
Melebihi RM1 juta sehingga RM3 juta	D		

4. Tatacara lain bagi pelaksanaan Program Kontraktor Berdaya Saing (PKBS) di dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 15/2023 adalah **masih sama** dan **tidak berubah**.

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**



**[ DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR ]**  
Setiausaha Kewangan Negeri  
SARAWAK

- s.k.:
1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
  2. Pengarah, Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
  3. Pengarah, Unit Audit Dalaman. Jabatan Premier Sarawak
  4. Akauntan Negeri Sarawak